

Tahap Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik Melalui Penggunaan Teknologi dalam Aktiviti Pembelajaran

NOR SUHAILA CHE PA^a, SUZANA SULAIMAN^b and NUR SALIMAH ALIAS^c

^a Centre for International Languages (CIL),

Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

suhailachepa@unimap.edu.my

^b Centre for Communication Technology And Human Development

Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

suzanasulaiman@unimap.edu.my

^c Centre for Communication Technology And Human Development

Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

salimah@unimap.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap perpaduan etnik daripada segi aktiviti pembelajaran melalui penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar pelbagai etnik di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Kajian ini meneliti aspek kumpulan belajar, persaingan antara pelajar, keselesaan di bilik kuliah dan proses melakukan tugas kumpulan antara pelajar berlainan etnik. Kajian yang dijalankan secara temu bual ini melibatkan seramai 20 orang responden yang terdiri daripada pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013. Satu set soalan temu bual disediakan yang merangkumi latar belakang responden dan soalan-soalan berkaitan aktiviti pembelajaran pelajar di dalam kuliah dan di kolej kediaman. Hasil kajian ini secara keseluruhannya mendapati tahap perpaduan pelajar pelbagai etnik dalam aktiviti pembelajaran melalui penggunaan teknologi berada pada tahap yang tinggi. Pelajar menunjukkan kecenderungan untuk memberikan persepsi yang lebih positif terhadap hubungan antara etnik dalam aktiviti pembelajaran walaupun masih terdapat segelintir pelajar yang belum dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang sama. Jadi, program-program yang boleh mengeratkan hubungan etnik antara pelajar harus dipertingkatkan dengan beberapa cadangan yang diutarakan dalam kajian ini.

Kata kunci: Perpaduan pelbagai etnik, aktiviti pembelajaran, teknologi

Abstract

The purpose of this research is to identify the level of ethnic solidarity among students of different ethnicities in terms of

learning activities through the use of technology in a public higher education institution. Study groups, competition among students, comfort classroom and group work among students from different ethnic groups are aspects that were examined in this study. This research used interview as the main instrument where a total of 20 2nd Year Diploma students from 2012/2013 session were selected as respondents. The interview questions sought respondents background information of the respondent and posed questions regarding learning activities which happened during lectures and at their residential college. The research findings show high level of ethnic solidarity in term of learning activities through the use of technology. The respondents show a tendency to have more positive perceptions towards ethnic relations activities although there are still a few students who have not been able to adapt to the same learning environment. Therefore, the study proposes that programs that which ethnic relations be improved through the recommendations put forward.

Keywords-component: Ethnic solidarity, learning activity, technology

I. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang etnik berpunca daripada faktor migrasi golongan masyarakat khususnya dari Tanah Besar China dan India sebagai sumber buruh kepada pihak Inggeris untuk mengerjakan kegiatan perlombongan bijih timah dan pengeluaran getah di Tanah Melayu pada abad ke-19. Kehadiran pelbagai etnik ini telah membentuk masyarakat majmuk. Mengikut pandangan Furnivall (1948), masyarakat

majmuk mempunyai campuran kumpulan manusia yang mengamalkan cara hidup yang berlainan, mereka hidup berdampingan tetapi berasingan dalam satu unit politik yang sama dan terdapat pembahagian tugas atas garis perkauman. Jadi, soal perpaduan dan hubungan etnik merupakan agenda penting negara dalam memastikan kestabilan politik sentiasa terjamin.

Perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia yang mempunyai pelbagai variasi bahasa, budaya dan agama bukanlah sesuatu yang mudah untuk diwujudkan. Sesuatu etnik mustahil untuk menjadi etnik yang lain. Maka unsur ekonomi, budaya dan pendidikan telah dijadikan pemangkin untuk mencapai perpaduan (Azra, 2005). Proses memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia seharusnya bermula daripada akar umbinya iaitu sejak di peringkat persekolahan dan seterusnya kepada pelajar di peringkat universiti yang bakal menjadi pewaris kepada peneraju negara pada masa akan datang.

Pelajar-pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terdiri daripada pelbagai etnik dan semestinya berasal daripada latar belakang budaya yang berbeza. Kesemua pelajar ini ditempatkan di kolej kediaman yang sama dan menjalani kehidupan seharian bersama seperti sebuah keluarga. Hubungan yang baik antara pelajar pelbagai etnik sangat diperlukan sepanjang tempoh pengajian sejurus untuk membentuk hubungan yang baik dengan masyarakat yang lebih besar setelah mereka tamat pengajian. Pelbagai program dan aktiviti telah direncanakan oleh UniMAP kepada para pelajar untuk mengeratkan hubungan antara pelajar pelbagai etnik. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti tahap perpaduan yang terbentuk melalui penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran pelajar di UniMAP.

II. PENYATAAN MASALAH

Universiti Malaysia Perlis merupakan kampus yang berkonsepkan kampus bertaburan di seluruh Negeri Perlis menimbulkan pelbagai permasalahan kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar yang baharu bagi menempuh kehidupan di alam kampus. Bas yang disediakan oleh pihak universiti merupakan medium pengangkutan utama para pelajar untuk bergerak dari satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Kedudukan kampus yang bertaburan ini juga menyumbang kepada kurangnya interaksi antara pelajar terutamanya melibatkan pelbagai etnik yang hanya berjumpa ketika kuliah disebabkan terdapatnya kolej kediaman yang berbeza dengan jarak yang agak jauh antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, pemisahan daripada segi kehidupan seharian di kolej kediaman hanya melibatkan pelajar ijazah sarjana muda. Bagi pelajar diploma, kesemua pelajar berkenaan ditempatkan hanya di sebuah kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman Tun Ghafar Baba (KKF) di Seberang Ramai, Kuala Perlis. Seharusnya kehidupan seharian pelajar yang dilalui bersama-sama di kolej kediaman

dan ketika di kuliah mengeratkan lagi tahap hubungan mereka walaupun mempunyai latar belakang etnik, budaya, adat resam dan agama yang berbeza.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap perpaduan etnik yang terbina dalam kalangan pelajar diploma UniMAP melalui penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran. Tahap perpaduan ini diteliti daripada aspek kumpulan belajar, persaingan antara pelajar, keselesaan di bilik kuliah dan proses melakukan tugas kumpulan antara pelajar pelbagai etnik. Persoalan berkaitan unsur-unsur perpaduan antara para pelajar melalui penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran sering timbul dalam kotak pemikiran berikutan pelajar pelbagai etnik ditempatkan di kolej kediaman yang sama.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap perpaduan pelajar pelbagai etnik melalui penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran yang melibatkan pelajar Program Diploma Tahun 2, Sesi Pengajian 2012/2013, UniMAP.

IV. METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kualitatif, iaitu data diperolehi melalui temu bual dengan pelajar-pelajar. Populasi dalam kajian ini melibatkan 270 orang pelajar diploma tahun dua (2). Seramai 20 orang pelajar pelbagai etnik telah dijadikan sampel kajian yang diambil secara rawak.

Soalan-soalan temu bual dibahagikan kepada dua (2) bahagian utama. Bahagian A menyentuh tentang profil responden meliputi jantina, umur, pusat pengajian, tahun pengajian, kolej kediaman, kumpulan etnik dan negeri asal pelajar. Bahagian B pula terdiri daripada soalan-soalan tentang aktiviti pembelajaran pelajar yang mencakupi aspek kumpulan belajar, persaingan antara pelajar, keselesaan di bilik kuliah dan proses melakukan tugas kumpulan antara pelajar berlainan etnik.

V. PERBINCANGAN

Kajian ini dilakukan untuk meninjau tahap perpaduan pelajar pelbagai etnik melalui penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran. Dapatan kajian ini berdasarkan temu bual yang dijalankan terhadap seramai 20 orang pelajar tahun dua (2) bagi program diploma, sesi pengajian 2012/2013, UniMAP. Jumlah responden kajian agak seimbang iaitu melibatkan tujuh (7) orang pelajar etnik Melayu, tujuh (7) orang pelajar etnik Cina dan enam (6) orang pelajar etnik India. Kedudukan ini akan menggambarkan bahawa sebarang dapatan kajian tidak akan dilihat terlalu bias dalam konteks etnik.

Sejumlah sembilan (9) item telah dibina bagi mengetahui tahap perpaduan pelajar. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa secara keseluruhannya perpaduan pelajar pelbagai etnik yang terbentuk melalui penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Kajian juga menunjukkan terdapat kecenderungan suasana berinteraksi yang lebih positif antara pelajar pelbagai etnik dalam aktiviti pembelajaran pelajar melalui penggunaan teknologi.

Pelajar-pelajar selesa untuk belajar secara berkumpulan dengan pelajar daripada kumpulan etnik yang lain dengan menggunakan kemudahan internet yang disediakan pihak UniMAP. Para pelajar dapat saling berkongsi ilmu dan bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain. Perkara ini mengukuhkan lagi Teori Pertukaran Sosial oleh Blau (1964) yang berpendapat bahawa hubungan antara dua individu adalah untuk memenuhi keperluan bersama dan mengurangkan kerugian yang bakal dialami. Manakala kajian Hewitt (1973), Finkel dan Krawitz (1976) dalam Robiah (2004) menyimpulkan bahawa tabiat pelajar banyak dipengaruhi oleh bagaimana pelajar itu belajar dan kaedah belajar yang betul mestilah diketahui oleh para pelajar di peringkat universiti bagi menjamin pencapaian akademik yang cemerlang terutama dalam peperiksaan. Oleh itu, pendekatan belajar secara berkumpulan yang menjadi kaedah pilihan pelajar pelbagai etnik ini merupakan pilihan terbaik untuk meningkatkan kecemerlangan akademik masing-masing. Kemudahan sistem telekomunikasi seperti telefon dan telefon pintar yang dimiliki hampir setiap pelajar merupakan medium utama yang mengeratkan perhubungan mereka.

Berdasarkan penelitian yang dijalankan, pelajar-pelajar gemar melakukan tugas kumpulan bersama-sama ahli kumpulan pelbagai etnik. Tugas kumpulan yang dilakukan menjadi lebih sempurna apabila pelajar memperolehi pelbagai sumber maklumat daripada internet selain sumber rujukan utama di perpustakaan. Oleh itu, kerjasama antara pelajar berbilang etnik wujud atas dasar untuk mendapat faedah bersama-sama dalam menghasilkan tugas kumpulan mahupun dalam pembelajaran secara berkumpulan.

Hasil kajian mendapati, terdapat kecenderungan yang lebih positif terhadap pelajar untuk duduk bersama pelajar pelbagai etnik ketika sesi pembelajaran di dalam kuliah. Walaupun begitu, hasil kajian juga menunjukkan terdapat segelintir pelajar lebih selesa duduk bersama pelajar yang sama etnik dengannya di dalam bilik kuliah walaupun ketika melakukan tugas kumpulan, percampuran pelbagai etnik berlaku.

Pelajar-pelajar pelbagai etnik juga sering bersaing di dalam pelajaran untuk mendapat keputusan yang lebih cemerlang. Perkara ini kerana kecemerlangan akademik dikaitkan dengan keputusan peperiksaan (Hassan, 1994). Persaingan secara sihat ini membangkitkan semangat di dalam diri pelajar-pelajar untuk lebih berusaha menambahkan ilmu

masing-masing di dalam pelajaran meskipun masih terdapat segelintir pelajar yang tidak gemar untuk bersaing dengan pelajar berlainan etnik.

VI. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian menunjukkan terdapat kecenderungan suasana berinteraksi yang positif antara pelajar pelbagai etnik dalam aktiviti pembelajaran pelajar melalui penggunaan teknologi. Para pelajar berasa selesa untuk belajar dalam kumpulan selain gemar untuk melakukan tugas kumpulan yang melibatkan pelbagai etnik. Kajian ini telah memperlihatkan perpaduan etnik dalam kalangan pelajar telah wujud melalui aspek saling berkongsi ilmu dan berkerjasama untuk menyiapkan sesuatu tugas yang diberikan pensyarah. Persaingan secara sihat juga menjadi pemangkin semangat untuk para pelajar lebih bersungguh-sungguh dalam meningkatkan pencapaian akademik masing-masing. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang belum dapat menyesuaikan diri mereka dengan pelajar berlainan etnik dalam aktiviti pembelajaran.

Bagi mengeratkan hubungan antara pelajar pelbagai etnik, program-program yang dapat mengeratkan hubungan pelajar wajar diperbanyakkan dan dipelbagaikan agar perpaduan antara mereka dapat diperkukuhkan. Ceramah-ceramah atau kem jati diri pelajar merupakan antara program yang harus digiatkan supaya wujud kesedaran tentang kepentingan memelihara keharmonian hubungan etnik dalam diri mereka. Setelah kampus tetap UniMAP di Ulu Pauh siap sepenuhnya kelak, kawasan rekreasi haruslah diwujudkan supaya pelajar-pelajar dapat sering beriadah bersama-sama sejezus dapat meningkatkan tahap perpaduan etnik antara pelajar.

Pelajar-pelajar seharusnya memanfaatkan kehidupan dalam suasana kepelbagaian etnik ini untuk memahami dan saling menerima perbezaan budaya sebagai persiapan untuk menghadapi dunia yang lebih mencabar setelah mereka tamat pengajian kelak. Ringkasnya, telah timbul budaya dan nilai di dalam diri para pelajar itu sendiri ke arah mewujudkan hubungan yang baik dengan pelajar berbilang etnik. Dalam erti kata lain, terdapat unsur-unsur perpaduan yang diterjemahkan dalam aktiviti pembelajaran pelajar melalui penggunaan teknologi.

RUJUKAN

- Azra (2005). *Sekolah Satu Aliran Pupuk Perpaduan*. Kerian: Portal Komuniti Warga Pendidikan Daerah Kerian.
- Blau, P.M. (1964). *Exchange and Power in Social Life*. New York: Wiley.
- Furnivall, J.S. (1948). *Colonial Policy and Practices*. New York: New York University Press.
- Hassan Mohd Ali (1994). *Strategi Lulus Peperiksaan dengan Cemerlang*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.

Robiah Zakaria (2004). *Hubungkait antara Budaya Pembelajaran Pelajar dengan Pencapaian Akademik dalam Bidang Teknikal: Satu Kajian di Sekolah Menengah Teknik Johor*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Banton, M. (1987). *Racial Theories*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Jawariah Zaabar (2004). *Pembangunan Sahsiah Pelajar: Persepsi Pelajar Kolej Tun Fatimah Terhadap Peranan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa, Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarulzaman Askandar (2007). *Perpaduan dan Perdamaian Etnik*. Georgetown: Universiti Sains Malaysia.
- Mansor Mohd Noor (2005). *Integrasi Etnik di IPTA*. Georgetown: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Rizal Mohd Said dan Thay Cheow Yin (2008). *Tahap Hubungan Etnik: Kajian di Kalangan Pelajar yang Mengikuti Kursus Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Sesi Pengajian 2007-2008, Semester 2 di Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Rais Yatim (2006). *Unsur-Unsur dan Cabaran Perpaduan ke Arah Membina Negara Bangsa Malaysia*. Georgetown: Universiti Sains Malaysia.
- Sabitha Marican (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Zaid Ahmad, et al. (2010). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.